



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
18 JULAI 2017 (SELASA)

AKHBAR

MUKA SURAT

Kosmo

- | | | |
|---|---|----|
| - | Terpaksa hidu bau busuk daripada tapak sampah haram | 18 |
|---|---|----|



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
18 JULAI 2017 (SELASA)

Akhbar	Kosmo
Tajuk Berita	Terpaksa hidu bau busuk daripada tapak sampah haram
Muka Surat	18

Kosmo m/s 18 18/7/2017

Terpaksa hidu bau busuk daripada tapak sampah haram

AMPANG JAYA - Lebih 1,000 penduduk di Taman Mulia Jaya di sini terpaksa menghidu bau asap pembakaran daripada tapak pembuangan sampah haram yang terletak di sebuah bukit kira-kira 100 meter dari kawasan perumahan tersebut.

Difahamkan, kawasan tapak pembuangan sampah haram yang diteroka sejak tiga bulan lalu itu turut menjadi tempat longgokan sisa binaan. Tinjauan *Kosmo!* semalam mendapati, kawasan seluas tiga buah padang bola sepak itu menyebabkan penduduk sekitar tidak selesa.

Seorang penduduk, Hairuddin Omar, 55, berkata, kewujudan tapak sampah haram itu juga mengundang jalat dan nyamuk.

Menurut beliau, beberapa lori sampah dilihat memasuki kawasan berkenaan untuk membuang muatan setiap hari sekitar pukul 12 tengah hari.

"Ada beberapa individu dililit di situ mengawal lori keluar masuk.

"Pernah ada penduduk cuba masuk ke kawasan itu tetapi dihalang penjaganya," ujarnya kepada *Kosmo!* Seorang lagi penduduk, Faizal

Ismail, 27, berkata, aduan telah dikemukakan kepada pihak Majlis Perbandaran Ampang Jaya tetapi tiada Undukan susulan.

"Penduduk bimbang kerana bau asap dari kawasan pembakaran di situ boleh menjadikan kesihatan."

"Jadi, kami mahu pihak berkenaan turun padang dan ambil tindakan proaktif," ujarnya.

SEORANG penduduk menunjukkan longgokan sisa binaan di tapak pembuangan sampah haram di Ampang Jaya semalam.

